

Imbas wajah penerima

Agihan food bank bersistematik bendung salah guna

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sistem agihan *food bank* yang sistematik dan berteknologi boleh mengekang budaya menyalahgunakan faedah program berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifudin Nasution Ismail berkata, contohnya sistem pengecaman wajah

yang dibangunkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur untuk program Food Bank Siswa di universiti itu.

"Dalam sistem ini, penuntut perlu melakukan imbasan muka pada alat pengecaman dan akan tertera butiran diri mereka sebagai penerima.

"Teknik ini untuk mengesan kehadiran penerima yang berkelayakan di pusat *food bank* sebelum mengambil barangan," katanya.

Katanya, melalui sistem itu penerima boleh mengambil tiga barangan dalam satu masa.

"Sistem ini dapat mengelakkan individu lain (tidak berkelayakan) mengambil kesempatan dengan kemudahan yang disediakan.

"Ia selari tujuan program ini untuk membantu golo-

ngan kurang berkemampuan termasuk penuntut institusi pengajian tinggi," katanya.

Beliau berkata, hampir 450,000 isi rumah dan 12,000 penuntut institusi pengajian tinggi awam mendapat manfaat daripada program ini yang dilaksanakan sejak 2018.

"Program ini diistilahkan sebagai kos sifar kerana peringkat awal pelaksanaannya tidak membabitkan sebarang kos perbelanjaan membeli barangan.

"Kami mendapat sokongan kuat daripada pelbagai rangkaian peruncitan (pasar raya besar) yang membantu membekalkan barangan secara berterusan," katanya.

Katanya, kerajaan mewujudkan undang-undang bagi melindungi syarikat penjerma antarabangsa daripada kemungkinan dikenakan tindakan undang-undang jika barangan yang didermakan menyebabkan keracunan.

"Pada masa sama, kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam perkara berkaitan dengan perlindungan hak pengguna dan kualiti produk," katanya.



“
Program ini diistilahkan sebagai kos sifar Saifudin